

**Najib Hadir Sambutan Hari Raya MTEM
Bernama
28 Aug, 2013**

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menghadiri majlis sambutan Aidilfitri anjuran Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) yang berlangsung di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) di sini Rabu.

Ketibaan perdana menteri kira-kira 5.40 petang disambut Ahli Pemegang Amanah MTEM Rizal Faris Mohideen Abdul Kader dan Ketua Pegawai Eksekutifnya Mohd Nizam Mahshar.

Najib yang berada kira-kira sejam di majlis itu turut dihiburkan oleh Kumpulan Dendang Anak yang mempersembahkan lagu Malaysia Berdaulat, dan Tanah Tumpahnya Darahku.

Turut hadir Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Shukry Mohd Salleh dan Timbalan Pengerusi Khazanah Nasional Berhad Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Seramai 40 penghuni dan kanak-kanak dari Rumah Anak Yatim Solehah di Kampung Pandan turut mengambil peluang bersalam dengan perdana menteri.

Mohd Nizam turut menyerahkan memorandum bantahan terhadap Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) kepada Najib, yang juga Menteri Kewangan.

Dalam resolusi itu, MTEM menegaskan bahawa TPPA boleh menggugat ekonomi, kesejahteraan sosial, kedaulatan negara serta turut memberi impak besar melangkaui pelbagai sektor termasuk industri kecil dan sederhana, peluang perolehan, harta intelek, kos sara hidup dan tenaga kerja.

Memorandum itu hasil persidangan meja bulat TPPA bersama bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang diadakan pada 26 dan 27 Ogos di Intan, Bukit Kiara.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=973457>